

lokal

HM 24/8/23 p.6

Sanggup bayar sewa **RM10K**

Warga asing di PBKL berleluasa, sukar dibanteras kerana didakwa dilindungi peniaga tempatan

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Isu kebanjiran peniaga warga asing di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL), di sini, yang berlarutan sejak sekian lama didakwa didalangi peniaga tempatan.

Pengerusi Persatuan Pemborong Ikan Hoi Seong Kuala Lumpur, Sing Kian Hock berkata, warga asing terbabit sanggup membayar sehingga RM10,000 sebulan untuk menyewa lesen peniaga tempatan bagi membolehkan mereka beroperasi di deretan premis luar pasar borong itu.

Menurutnya, walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan penguatkuasaan sitaan barangan, langkah itu dilihat gagal mematahkan usaha mengusir penjaja warga asing terdiri pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNCHR).

Katanya, pihaknya menggesa kekerapan operasi bersepadu membabitkan agensi penguat kuasa terutama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan polis bagi mengatasi permasalahan itu berlarutan dan tidak terkawal.

“Dalam PBKL bersih, semua peniaga patuh peraturan, tetapi apabila keluar

pintu PBKL dapat dilihat lambakan warga asing beroperasi sesuka hati hingga memenuhi siar kaki dan menyebabkan kacau ganggu lalu-lintas serta menyebabkan kawasan menjadi kotor.

“Mereka pemegang kad UNCHR, sepatutnya tidak boleh bekerja apatah lagi menjadi ‘bos’ di sini, namun masalah berlarutan dalam tempoh lama dan penguatkuasaan sedia ada tidak cukup untuk halau mereka keluar dari kawasan ini.

“DBKL hanya boleh sita barang, tapi tak boleh tangkap mereka. Jika begitu, lebih baik ada kad UNCHR daripada kad pengenalan warganegara sebab mereka bebas berniaga sedangkan orang tempatan diikat dengan banyak peraturan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan bersama Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran di PBKL di sini, kelmarin.

Beliau mendakwa, operasi peniaga warga asing itu dipercayai turut dilindungi pihak tertentu apabila terus beroperasi walaupun lesen perniagaan disewa mereka tamat tempoh sejak beberapa tahun lalu.

“Saya tidak menolak kemungkinan ada pihak yang ‘jaga’ (lindungi) peniaga warga asing ini memandangkan mereka lama



“DBKL hanya boleh sita barang, tapi tak boleh tangkap mereka”
Sing Kian Hock



TINJAUAN perniagaan warga asing di sekitar luar kawasan Kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

bertapak lama di kawasan ini dan sehingga kini masih gagal dihalau.

“DBKL tidak lagi luluskan pembaharuan lesen niaga kerana tidak mahu kawasan (luar) PBKL itu dipenuhi warga asing, jadi mereka kini beroperasi secara haram.

“Mereka guna lesen orang tempatan untuk beroperasi dan boleh bayar hingga RM10,000 sebulan sewa kepada pemilik sebenar lesen niaga iaitu warga tempatan.

“Saya bimbang jika operasi bank di sini berpindah, maka kawasan ini sepenuhnya menjadi perkampungan warga asing jika tindakan tegas tidak dilakukan,” katanya.

Sementara itu, Prabakaran berkata, pihaknya memastikan operasi bersepadu membabitkan semua agensi penguat kuasa dimulakan bulan depan.

“Jika lihat situasi di sini, memang jelas menunjukkan pelanggan dalam kawasan PBKL semakin berkurangan selepas warga asing berniaga tanpa lesen di luar PBKL.

“DBKL boleh mengambil tindakan ke atas jualan tanpa lesen, tetapi berkaitan warga asing perlu dibincangkan bersama imigresen serta MKN (Majlis Keselamatan Negara) untuk cari penyelesaian.

“Jika warga asing di dalam PBKL boleh diatasi, kenapa di luar tidak boleh,” katanya.